

A MUHAMMAD FIKRURRAHIM AWANG
Iwn. KETUA PENGARAH PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KOTA BHARU
MOHAMAD ABAZAFREE MOHD ABBAS H
B [RAYUAN SIVIL NO: DA-16-2-04-2023]
20 MEI 2024

C **Abstrak** – (i) Tempoh 60 hari, untuk rayuan ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial, bawah s. 91 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ('Akta') bermula dari tarikh keputusan tersebut dimaklumkan pada pekerja; (ii) Kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan tidak semestinya berlaku di tempat kerja untuk membolehkan tuntutan faedah bencana kerja dibuat – ini mungkin berlaku di luar tempat kerja selagi kemalangan yang berlaku itu adalah semasa dia bekerja dengan majikannya. Tuntutan faedah bencana kerja, bawah s. 24(1) Akta, juga merangkumi tujuan perjalanan dan kemalangan yang berlaku yang mempunyai kaitan dengan penggajian serta pekerjaan seseorang pekerja.

E **UNDANG-UNDANG BURUH:** Pekerjaan – Pekerja – Tuntutan faedah bencana kerja – Pekerja terlibat dalam kemalangan jalan raya dalam perjalanan pulang dari tempat kerja ke rumah – Pekerja mengalami kecederaan parah dan kecacatan kekal serta kini memegang kad orang kelainan upaya (OKU) – Tuntutan faedah pekerja untuk bencana kerja di Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ditolak – Rayuan perayu pada Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial tidak berjaya – Sama ada tujuan perjalanan dan kemalangan yang berlaku mempunyai kaitan dengan penggajian serta pekerjaan pekerja – Singgahan sebelum meneruskan perjalanan ke destinasi – Sama ada kemalangan mesti berlaku di tempat kerja – Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, ss. 2(11), 24(1) & 91

G **UNDANG-UNDANG BURUH:** Pekerjaan – Pekerja – Tuntutan faedah bencana kerja – Rayuan di Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial ('JRKS') – Pekerja terlibat dalam kemalangan jalan raya dalam perjalanan pulang dari tempat kerja ke rumah – Pekerja mengalami kecederaan parah dan kecacatan kekal serta kini memegang kad orang kelainan upaya (OKU) – Tuntutan faedah pekerja untuk bencana kerja di Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ditolak – Rayuan perayu pada JRKS tidak berjaya – Sama ada terdapat kelewatan dalam memfailkan notis dan rekod rayuan di Mahkamah Tinggi – Sama ada notis rayuan perlu menyatakan sama ada rayuan adalah terhadap keseluruhan atau sebahagian keputusan JRKS – Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, ss. 2(11), 24(1) & 91

I **PERKATAAN & ISTILAH:** 'dari tarikh perintah dibuat' – Tuntutan faedah bencana kerja oleh pekerja ditolak oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) – Rayuan di Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Jemaah Rayuan Keselamatan

Sosial yang menolak rayuan pekerja – Pengiraan tempoh 60 hari bawah s. 91 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 – Sama ada bermula dari tarikh keputusan dimaklumkan pada pekerja

Perayu berkhidmat sebagai seorang Penggerak di Islamic Outreach ABIM dan, pada masa yang sama, melaksanakan tugas sebagai staf di bahagian teknikal dan runner. Pada 13 Mei 2021, pada pukul 5 pagi, perayu telah terlibat dalam satu kemalangan jalan raya semasa melakukan perjalanan pulang dari tempat kerja ke rumahnya. Ekoran kemalangan tersebut, perayu mengalami kecederaan parah dan kecacatan kekal di bahagian tangan dan kini memegang kad orang kelainan upaya (OKU). Perayu kemudian menghantar borang butiran notis dan tuntutan faedah di Pertubuhan Keselamatan Sosial ('PERKESO') untuk memohon faedah bencana kerja. Walau bagaimanapun, PERKESO memutuskan bahawa kemalangan perayu tidak terjumlah sebagai bencana kerja bawah s. 24(1) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 ('Akta') atas alasan tujuan perjalanan dan kemalangan yang berlaku tiada kaitan dengan penggajian serta pekerjaan perayu. Rayuan perayu pada Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial ('JRKS') juga tidak berjaya. Maka, timbul rayuan ini. Isu tunggal yang timbul untuk diputuskan adalah sama ada perjalanan perayu terjumlah sebagai bencana kerja, bawah s. 24(1) Akta, dan seterusnya melayakkan perayu untuk dilindungi. Responden membangkitkan bantahan awal terhadap rayuan perayu dengan menegaskan: (i) notis rayuan tidak difailkan dalam masa satu bulan dari tarikh notis tersebut diberi, seperti yang diperuntukkan bawah s. 91(3) Akta; (ii) notis rayuan perayu tidak menyatakan sama ada rayuannya adalah terhadap keseluruhan atau sebahagian keputusan JRKS; dan (iii) terdapat kelewatan memfailkan rekod rayuan selama lima bulan dan 11 hari.

Diputuskan (menolak bantahan awal; membenarkan rayuan):

(1) Isu utama dalam bantahan awal adalah berkaitan tafsiran s. 91 Akta dan kata kunci untuk pengiraan tempoh 60 hari adalah 'dari tarikh perintah dibuat'. Sesi pendengaran rayuan oleh perayu di hadapan JRKS adalah pada 25 Januari 2023 dan, walaupun keputusan juga adalah pada 25 Januari 2023, keputusan tersebut hanya diperturun dan ditandatangani pada 22 Mac 2023. Di samping itu, pada bahagian nota prosiding, tarikh perbicaraan yang dinyatakan adalah 25 Januari 2023 manakala tarikh penyediaannya adalah 22 Jun 2023. Bilakah tarikh sebenar perintah tersebut dibuat? Ayat 'tarikh perintah itu dibuat' hendaklah diberi tafsiran bukan hanya secara harfiah namun hendaklah satu pendekatan yang akan mempromosikan tujuan atau objek yang mendasari Akta tersebut. Bilakah perintah tersebut dibuat tidak harus ditafsirkan sebagai tarikhnya dibuat oleh JRKS tanpa ini dimaklumkan pada perayu. Jika ditafsirkan sebegini, keperluan takat masa tidak mempunyai makna dan tidak dapat dikuatkuasakan kerana perayu tidak tahu bila haknya untuk merayu bermula. Ini sama sekali bertentangan

- A dengan hasrat peruntukan tersebut. Oleh itu, tempoh 60 hari hanya bermula pada tarikh keputusan tersebut dimaklumkan pada perayu, iaitu pada 22 Februari 2023 dan, sehubungan itu, notis rayuan yang difailkan pada 19 April 2023 masih dalam batasan tempoh 60 hari yang dibenarkan oleh undang-undang. (perenggan 7, 8, 9, 13, 18 & 20)
- B (2) Notis rayuan perayu selaras dengan Borang 1, Peraturan-peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Acara Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial) 1976. Tiada keperluan dalam Borang 1 agar dinyatakan sama ada rayuan adalah terhadap keseluruhan atau sebahagian keputusan JRKS. (perenggan 21)
- C (3) Pemfailan rekod rayuan dibuat selaras dengan arahan mahkamah ini semasa sesi pengurusan kes pada 10 Julai 2023. Semasa sesi tersebut, perayu diarahkan agar memfailkan rekod rayuannya sebelum 7 Ogos 2023. Ini telah dilaksanakan oleh perayu seperti yang dikehendaki mahkamah. (perenggan 22)
- D (4) Tafsiran s. 24(1) Akta hendaklah diambil secara objektif dan tafsiran yang terhad serta rigid harus dielakkan. Akta adalah satu perundangan sosial yang bertujuan memberi perlindungan pada para pekerja; apatah lagi pekerja-pekerja yang mengalami kemalangan dan tidak berupaya meneruskan kehidupan mereka selepas itu. Perayu adalah orang yang diinsuranskan bawah s. 2(11) Akta. Prinsip yang diterima adalah bahawa kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan tidak semestinya berlaku di tempat kerja; ini mungkin berlaku di luar tempat kerja selagi kemalangan yang berlaku itu adalah semasa dia bekerja dengan majikannya. (perenggan 33 & 35)
- E
- F (5) Tarikh 12 Mei 2021 adalah malam sebelum Hari Raya Aidilfitri. Perayu bekerja lebih masa pada hari tersebut untuk mengedarkan bantuan dan sebagainya. Sebagai seorang Muslim, semestinyalah dia pulang ke rumah keluarganya kerana ini satu kewajipan. Pengiktirafan kehakiman boleh dibuat bahawa perayu akan pulang ke kampungnya pada malam tersebut. Oleh itu, apabila perayu menyatakan dia balik ke rumah penginapannya, ini bukan tempat perjalanan yang akhir. Ini lebih pada singgahan sebelum meneruskan perjalanan ke destinasi di kampungnya. Ini juga selari dengan keterangan perayu bahawa dia 'rehat di kediaman (tempat kediaman) dahulu sebelum memulakan perjalanan pulang ke kampung'. (perenggan 36 & 37)
- G
- H (6) Mengguna pakai pendekatan dalam kes *Sathiaseelan Nagappan v. Ketua Pengarah, Pertubuhan Keselamatan Sosial*, isu yang perlu diputuskan adalah sama ada perjalanan tersebut dibuat bagi apa-apa sebab yang, secara langsung, berkaitan dengan penggajiannya. Dalam erti kata lain, sama ada perjalanan perayu dibuat disebabkan tuntutan pekerjaannya. Pada hari malang tersebut, tempat tinggal yang dituju oleh perayu tidak
- I

dipertikaikan, iaitu rumahnya di kampung. Perjalanan tersebut hanya dapat dilakukan pada waktu tersebut ekoran komitmen kerja yang diperlukan oleh majikannya. Perayu sepatutnya mempunyai pilihan untuk pulang ke kampung lebih awal dan lebih selamat. Namun, ini tidak dapat dilaksanakan kerana tuntutan kerjanya. Perayu hanya berupaya melaksanakan perjalanan itu disebabkan komitmen kerjanya. Majikannya serta PERKESO pasti tidak mengambil peduli bagaimana dan ke mana hala tuju perayu selagi kerja yang diamanahkan pada perayu dilaksanakan. Oleh itu, perjalanan perayu ke rumahnya di kampung termasuk bawah s. 24(1)(b) Akta dan membolehkan perayu menuntut faedah bencana kerja. (perenggan 40-43)

- (7) Keputusan JRKS diketepikan dan merit berkaitan ganti rugi yang sewajarnya diawardkan pada perayu diperintahkan untuk didengar di hadapan panel JRKS yang lain. (perenggan 44)

Kes-kes yang dirujuk:

Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v. Jusoh Abu Bakar [2003] 1 CLJ 383 HC (*dirujuk*)

Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v. Vadivelan Sandara Saigara [2008] 9 CLJ 428 HC (*dirujuk*)

Mohamad Basri Izan Said Mohammad lwn. Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial [2023] CLJU 689; [2023] 1 LNS 689 HC (*dirujuk*)

Ooi Bing Lai lwn. Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial [2021] CLJU 2297; [2021] 1 LNS 2297 HC (*dirujuk*)

Patrick Ho Chang v. Pertubuhan Keselamatan Sosial [2020] 1 CLJ 284 HC (*dirujuk*)

Pepper v. Hart [1993] AC 593 (*dirujuk*)

Sathiaseelan Nagappan v. Ketua Pengarah, Pertubuhan Keselamatan Sosial [2023] 5 CLJ 416 CA (*diikuti*)

Tan Ting Kok v. Cheong Lep Keen & Anor [1969] CLJU 186; [1969] 1 LNS 186 FC (*dirujuk*)

Tebin Mostapa v. Hulba-Danyal Balia & Anor [2020] 7 CLJ 561 FC (*dirujuk*)

Wong Yew Loy v. Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial [2010] 5 CLJ 467 HC (*dirujuk*)

Perundangan yang dirujuk:

Employees' Social Security Act 1969, ss. 2(11), 24(1)(b), 91(3)

Interpretation Acts 1948 and 1967, s. 17A

Rules of Court 2012, O. 55 r. 5(3)

Bagi pihak perayu - Azzan Aznan Abdul Rahim; T/n Syazwan Hasim & Azeel Eskandar

Bagi pihak responden - Nor Erini Mustapha Kamal; T/n Rafaei & Co

Dilaporkan oleh Najib Tamby

A

B

C

D

E

F

G

H

I

A **PENGHAKIMAN**

Mohamad Abazafree Mohd Abbas H:

Pendahuluan

B [1] Kes ini melibatkan satu rayuan oleh perayu iaitu orang berinsuran (OB) ke atas keputusan Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial melalui Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS) pada 25 Januari 2023 yang telah menolak rayuan perayu. Secara amnya, JRKS memutuskan bahawa kemalangan yang berlaku ke atas perayu pada 13 Mei 2021 adalah bukan merupakan bencana kerja sepertimana di bawah s. 24(1) Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4).
C

Fakta Kes

[2] Secara amnya, fakta kes bolehlah diringkaskan seperti berikut:

- D (i) perayu merupakan seorang penggerai di Islamic Outreach ABIM yang dalam masa sama juga melaksanakan tugas sebagai staf bahagian teknikal dan runner;
- E (ii) pada 13 Mei 2021 jam lebih kurang 5 pagi, semasa perayu dalam perjalanan dari tempat kerja iaitu di Islamic Outreach ABIM Kelantan, Pusat Latihan dan Dakwah Orang Asli Kok Lanas, 16450 Ketereh, Kelantan ke rumah perayu iaitu di Taman Jintan Rahimah, Beris Lalang, Bachok, perayu telah terlibat dengan satu kemalangan jalan raya;
- F (iii) akibat daripada kemalangan tersebut, perayu mengalami kecederaan parah dan kecacatan kekal di bahagian tangan dan kini memegang kad orang kelainan upaya (OKU);
- G (iv) perayu adalah seorang berinsuran dalam lingkungan maksud Akta 4;
- (v) pada 1 Ogos 2021, perayu telah menghantar Borang 34 Borang Butiran Notis dan Tuntutan Faedah di PERKESO Kota Bharu untuk memohon faedah bencana kerja;
- H (vi) namun, pada 12 Oktober 2021, PERKESO Kota Bharu, melalui surat, telah memutuskan bahawa kemalangan perayu bukan bencana kerja di bawah s. 24(1) Akta 4 di atas alasan tujuan perjalanan dan kemalangan yang berlaku tiada kaitan dengan penggajian serta pekerjaan perayu;
- I (vii) terkilang dengan keputusan tersebut, perayu telah memfailkan rayuan melalui Borang A Peraturan-peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Acara Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial) 1976 bertarikh 12 Oktober 2021; dan
- (viii) pada 22 Februari 2023, JRKS telah memaklumkan berkenaan keputusan permohonan perayu, yang mana permohonan itu telah ditolak di atas alasan kemalangan yang berlaku tiada kaitan dengan penggajian dan pekerjaan perayu.

Bantahan Awal Responden (Kandungan 7)

[3] Sebelum rayuan perayu didengar, pihak responden telah mengemukakan bantahan awal ke atas rayuan tersebut sepertimana surat di kandungan 7.

[4] Bantahan awal responden adalah seperti berikut:

- (i) notis rayuan (NR) perayu tidak menyatakan ianya ke atas keseluruhan atau sebahagian keputusan JRKS;
- (ii) NR tidak difailkan dalam masa satu bulan dari tarikh ianya diberikan sepertimana yang diperuntukkan di bawah s. 91(3) Akta 4; dan
- (iii) kelewatan memfailkan rekod rayuan (RR) selama lima bulan dan 11 hari.

[5] Berkaitan kelewatan NR dan RR, peguam responden menghujahkan bahawa tiada sebarang permohonan perlanjutan telah difailkan sepertimana yang dikehendaki di bawah A. 55 k. 5(3) KKM 2012 dan menyebabkan rayuan perayu menjadi incompetent dan bad in law.

(rujuk: *Tan Ting Kok v. Cheong Lep Keen & Anor* [1969] CLJU 186; [1969] 1 LNS 186; [1969] 1 MLRA 197).

[6] Peguam perayu sebaliknya menghujahkan bahawa tidak berlaku sebarang kelewatan memfailkan NR. Ini kerana keputusan JRKS hanya dibuat pada 22 Februari 2023 dan perayu hanya dimaklumkan melalui surat JRKS bertarikh yang sama. Rayuan melalui Borang 1 telah difailkan dalam tempoh 60 iaitu pada 19 April 2023. Jika sekalipun ianya terlewat, mahkamah mempunyai budi bicara untuk memberikan lanjutan masa.

(rujuk: *Mohamad Basri Izan Said Mohammad lwn. Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial* [2023] CLJU 689; [2023] 1 LNS 689).

[7] Mahkamah mendapati bahawa isu utama dalam bantahan awal ini adalah berkaitan tafsiran s. 91 Akta 4 yang menyatakan:

Seksyen 91; Rayuan

- (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyatanya dalam seksyen ini, tiada apa-apa rayuan boleh dibuat terhadap sesuatu perintah jemaah rayuan yang ditubuhkan menurut atau di bawah Akta ini.
- (2) Rayuan boleh dibuat kepada Mahkamah Tinggi terhadap sesuatu perintah jemaah rayuan yang ditubuhkan menurut atau di bawah Akta ini jika rayuan itu berkenaan dengan soal undang-undang yang material.
- (3) Had tempoh bagi sesuatu rayuan di bawah seksyen ini ialah enam puluh hari dari tarikh perintah itu dibuat.

- A [8] Kata kunci bagi pengiraan tempoh 60 hari tersebut adalah “dari tarikh perintah dibuat”.
- [9] Dalam kes ini, fakta yang tidak dipertikaikan adalah sesi pendengaran rayuan oleh perayu di hadapan JRKS adalah pada 25 Januari 2023. Di atas keputusan di ms. 14 RR, ia menyatakan bahawa tarikh keputusan adalah
- B pada 25 Januari 2023 namun ianya diperturunkan dan ditandatangani pada 22 Mac 2023.
- [10] Manakala, di bahagian nota prosiding iaitu di ms. 30 RR menyatakan tarikh perbicaraan adalah pada 25 Januari 2023 manakala tarikh ianya disediakan adalah pada 22 Jun 2023.
- C [11] Persoalannya kini adalah bilakah tarikh sebenar perintah dibuat?
- [12] Dalam memberi tafsiran ke atas perkara ini, mahkamah tertarik untuk memetik kata-kata Hakim Roslan Mat Nor HMT di dalam kes *Mohamad Basri Izan Said Mohammad lwn. Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial*
- D [2023] CLJU 689; [2023] 1 LNS 689 seperti berikut:
- [19] Mahkamah juga berpendapat bahawa Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 adalah satu Akta Sosial yang perlu diberikan takrifan yang bersesuaian dengan matlamat penggubalan Akta tersebut. Ini telah dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan oleh *PJD Regency Sdn Bhd v. Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah & Anor And Other Appeals*
- E [2021] 2 CLJ 441.
- [20] Jika diteliti kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 adalah jelas bahawa penggubalan akta adalah bertujuan untuk “An Act to provide social security in certain contingencies and to make provision for certain other matters in relation to it.”
- F [21] Apa yang dapat difahami ialah Akta ini digubal bagi memberikan jaminan sosial kepada pekerja melalui satu skim insurans bagi memastikan sekiranya terdapat kemalangan atau kecederaan seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Sosial ia akan dilindungi. Oleh itu mahkamah perlu memastikan bahawa ketidakpatuhan sebarang prosedur tidak sepatutnya menghalang daripada para pencarum
- G mendapatkan keadilan.
- [13] Bagi mahkamah, ayat “tarikh perintah itu dibuat” hendaklah diberi tafsiran bukan hanya secara harfiah namun hendaklah kepada satu pendekatan yang akan mempromosikan tujuan atau objek yang mendasari Akta tersebut. Ini selaras dengan s. 17A Interpretation Acts 1948 and 1967 (Consolidated and Revised 1989) (Akta 388).
- H [14] House of Lords dalam kes *Pepper v. Hart* [1993] AC 593 telah menegaskan keperluan untuk melihat pentafsiran yang akan mempromosikan tujuan atau objek yang mendasari Akta tertentu melalui penghakiman Lord
- I Griffiths yang menyatakan:

... The object of the court in interpreting legislation is to give effect so far as the language permits to the intention of the legislature. If the language proves to be ambiguous I can see no sound reason not to consult Hansard to see if there is a clear statement of the meaning that the words were intended to carry. ...

A

[15] Berkaitan pentafsiran peruntukan perundangan, mahkamah turut berpegang kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Tebin Mostapa v. Hulba-Danyal Balia & Anor* [2020] 7 CLJ 561 di mana Vernon Ong Lam Kiat HMP telah menegaskan berkaitan prinsip pentafsiran undang-undang seperti berikut:

B

Statutory Interpretation

C

[30] In our opinion, the rules governing statutory interpretation may be summarised as follows. First, in construing a statute, an effect must be given to the object and intent of the Legislature in enacting the statute. Accordingly, the duty of the court is limited to interpreting the words used by the Legislature and giving effect to the words used by it. The court will not read words into a statute unless clear reason for it is to be found in the statute itself. Therefore, in construing any statute, the court will look at the words in the statute and apply the plain and ordinary meaning of the words in the statute. Second, if, however the words employed are not clear, then the court may adopt the purposive approach in construing the meaning of the words used. Section 17A of the Interpretation Acts 1948 and 1967 provides for a purposive approach in the interpretation of statutes. Therefore, where the words of a statute are unambiguous, plain, and clear, they must be given their natural and ordinary meaning. The statute should be construed as a whole and the words used in a section must be given their plain grammatical meaning. It is not the province of the court to add or subtract any word; the duty of the court is limited to interpreting the words used by the Legislature and it has no power to fill in the gaps disclosed. Even if the words in a statute may be ambiguous, the power and duty of the court “to travel outside them on a voyage of discovery are strictly limited.” Third, the relevant provisions of an enactment must be read in accordance with the legislative purpose and applies especially where the literal meaning is clear and reflects the purposes of the enactment. This is done by reference to the words used in the provision; where it becomes necessary to consider every word in each section and give its widest significance. An interpretation which would advance the object and purpose of the enactment must be the prime consideration of the court, so as to give full meaning and effect to it in the achievement to the declared objective. As such, in taking a purposive approach, the court is prepared to look at much extraneous materials that bears on the background against which the legislation was enacted. It follows

D

E

F

G

H

I

A that a statute has to be read in the correct context and that as such the court is permitted to read additional words into a statutory provision where clear reasons for doing so are to be found in the statute itself.

B [16] Berkaitan tujuan Akta 4, Mahkamah Tinggi dalam kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v. Vadivelan Sandara Saigara* [2008] 9 CLJ 428; [2009] 1 MLJ 238, telah menyatakan:

C It is important to be reminded that this social legislation was introduced to secure social and economic justice to all insured-employees under this Act who are entitled to claim the benefits with the view to provide a quick and inexpensive remedy for the entitlement of such rights for which they are required by the Act to contribute monthly towards the fund in the event of risks of service. In fact, the contribution contemplated by the Act is in the nature of social insurance or security and provides certain contingencies and the contribution received from the employer or the insured is deposited in common fund and managed by SOCSO. The law therefore must respond and be responsible to be felt and discernible
D compulsion of circumstances that would be equitable, fair and just and unless there is something to the contrary in the statute, the court must take cognizance of that fact and act accordingly. (See *Pomal Kanji Govindji v. Verajall Kar Sandas Purohit* [1989] AIR SC 436). Therefore, it is not unreasonable and is a sound rule of construction that the social legislation
E should be interpreted liberally and be given a purposive interpretation and in such a manner as to render the rights and benefits available under the Act to be effective and meaningful or to provide a meaningful social security to insureds or their dependants and not to “put up all sorts of barricades along the path”. Law should keep pace with changing socio
F economy norms especially if the existing law does not suit the present context or is inadequate. (See *M.C Mehta v. Union of India* [1987] AIR SC 1088).

G [17] Mengadaptasi prinsip ini ke dalam kes ini, mahkamah berpandangan bahawa tempoh masa tersebut diberikan bagi membolehkan perayu tahu takat tempoh untuk perayu memfailkan rayuan.

H [18] Oleh itu, bilakah perintah tersebut dibuat tidak seharusnya ditafsirkan sebagai tarikh ianya dibuat oleh JRKS tanpa ianya dimaklumkan kepada perayu. Jika ianya ditafsirkan seperti tersebut, ia akan hanya menjadikan keperluan takat masa tersebut sebagai tidak mempunyai makna dan tidak dapat dikuatkuasakan kerana perayu tidak tahu bilakah haknya merayu bermula. Ia akan sama sekali bertentangan dengan hasrat peruntukan tersebut.

I [19] Selain itu, mahkamah turut bersetuju dengan hujahan peguam perayu bahawa rujukan peguam responden ke atas kes *Ooi Bing Lai Iwn. Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial* [2021] CLJU 2297; [2021] 1 LNS 2297 adalah perlu dibezakan dengan kes ini memandangkan kelewatan dalam kes tersebut menjangkau selama lapan tahun.

[20] Sehubungan dengan itu, mahkamah berpandangan bahawa tempoh 60 hari tersebut hanya bermula pada tarikh keputusan tersebut dimaklumkan kepada perayu iaitu pada 22 Februari 2023 dan sehubungan dengan itu, Borang 1 ataupun NR yang difailkan pada 19 April 2023 adalah masih dalam batasan tempoh 60 hari yang dibenarkan oleh undang-undang. A

[21] Berkaitan NR yang dikatakan tidak menyatakan rayuan adalah ke atas keseluruhan atau sebahagian, mahkamah bersetuju dengan hujahan peguam perayu bahawa NR tersebut adalah selaras dengan Borang 1, Peraturan-peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Acara Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial) 1976. Tiada keperluan di dalam Borang 1 tersebut untuk menyatakan sama ada rayuan adalah ke atas keseluruhan atau sebahagian keputusan JRKS. B C

[22] Selanjutnya, berkaitan pemfailan RR, mahkamah turut bersetuju dengan hujahan peguam perayu bahawa pemfailan RR tersebut dibuat selaras dengan arahan daripada mahkamah ini semasa sesi pengurusan kes pada 10 Julai 2023 yang turut dihadiri oleh peguam responden. Semasa sesi pengurusan kes tersebut, Puan PKP telah mengarahkan perayu untuk memfailkan RR sebelum 7 Ogos 2023. Ini telah dilaksanakan oleh perayu sepertimana dikehendaki oleh mahkamah. D

[23] Di atas pertimbangan-pertimbangan ini, mahkamah memutuskan bahawa bantahan awal responden adalah ditolak. Mahkamah mengarahkan pihak-pihak untuk mengemukakan hujahan berkaitan substantif rayuan ini. E

Isu Rayuan

[24] Berdasarkan kepada s. 91 Akta 4, hanya isu undang-undang yang substantif boleh dibawa ke perhatian mahkamah ini. Apa yang dimaksudkan sebagai isu undang-undang yang substantif telah diperjelaskan oleh Hakim Wong Kian Kheong HMT (pada ketika itu) dalam kes *Patrick Ho Chang v. Pertubuhan Keselamatan Sosial* [2020] 1 CLJ 284 seperti berikut: F

[13] ... (v) I accept the interpretation of the phrase “substantial question of law” given in *Rimmalapudi Subba Rao*. There can only be an appeal against a decision of the appellate medical board to the High Court under s. 91(1) and (2) ESSA if an appellant, be it a claimant or the “Organisation” (defined in s. 2(16) ESSA as the Social Security Organisation), can satisfy the High Court that the appeal involves a “substantial question of law” as follows: G

(b) A difficult question of law arises in the appeal;

(c) if the question of law involved is neither important nor difficult, the question is nevertheless a substantial question of law if the question is arguable in the sense that; H

(1) There is room for reasonable doubt on the question; or I

(2) There is a difference of opinion on the question;

- A (d) When a particular set of facts can lead to alternative findings of law, a substantial question of law is involved;
- (e) Where a legal principle or rule to be applied in a case is not well established, there arises a substantial question of law; and
- B (f) If the appeal concerns:
- (1) conflicting decisions of the High Court; or
- (2) conflicting judgments of the Court of Appeal on a question of law and there is no judgment of the Federal Court on the question, there is a substantial question of law involved in the appeal.
- C I should add that the above examples as a “substantial question of law” are not exhaustive;
- (vi) premised on *Rimmalapudi Subba Rao*, an appeal does not involve a “substantial question of law” if:
- D (a) the question of law only affects the rights of the parties; or
- (c) the question of law can be decided by reference to wellsettled general principles of law; and
- (vii) the appellant bears the burden to satisfy the court that the appeal concerns a “substantial question of law” in accordance with s. 91(2) ESSA ...
- E

[25] Persoalan tunggal yang dibangkitkan oleh perayu adalah sama ada perjalanan perayu adalah termaktub di bawah s. 24(1) Akta 4 yang merupakan satu bencana kerja dan seterusnya melayakkan perayu untuk dilindungi.

- F [26] Seksyen 24 Akta 4 memperuntukkan seperti berikut:
- (1) Sesuatu kemalangan yang berlaku kepada seseorang orang berinsurans hendaklah disifatkan terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya jika kemalangan itu berlaku semasa orang berinsurans itu -
- G (a) dalam perjalanan mengikut laluan di antara tempat kediamannya atau tempat tinggalnya dengan tempat kerjanya;
- (b) dalam perjalanan yang dibuat bagi apa-apa sebab yang secara langsung berkaitan dengan penggajiannya; atau
- H (c) dalam perjalanan di antara tempat kerjanya dengan tempat dia pergi makan dalam masa rehat yang dibenarkan.
- (2) Jika kemalangan di bawah sub seksyen (1) berlaku dalam masa apa-apa perhentian, atau apa-apa lencongan, perjalanan orang berinsurans itu yang dibuat bagi mana-mana maksud yang dinyatakan dalam subseksyen yang sama, kemalangan itu tidaklah disifatkan terbit daripada dan dalam masa menjalankan pekerjaannya.
- I

[27] JRKS di dalam penghakiman menyatakan bahawa kemalangan yang menimpa perayu pada 13 Mei 2021 bukan di bawah bencana kerja. Di dalam alasan penghakiman, JRKS menyatakan:

Panel JRKS ini berpendapat bahawa Pihak Penentang telah menolak permohonan Pemohon untuk faedah Bencana Kerja kerana kemalangan yang menimpa Pemohon pada 13/5/2021 jam lebih kurang 5.00 pagi bukan bencana kerja di bawah seksyen 24(1) Akta tersebut ...

[28] JRKS di dalam alasannya turut menyatakan bahawa perayu mengakui bahawa perayu bekerja pada 12 Mei 2021 hingga jam 7.30 malam dan pulang ke rumah penginapan yang disediakan majikannya. Perayu hanya bertolak pulang ke rumah keluarganya di Bachok pada jam 3.30 pagi 13 Mei 2021 dan kemalangan berlaku pada jam 5 pagi.

[29] Peguam perayu menghujahkan bahawa JRKS adalah terkhilaf apabila memutuskan bahawa waktu kerja dan perjalanan telah tamat setelah perayu tiba di rumah penginapan kerana rumah penginapan tersebut pada hujahan peguam perayu bukanlah merupakan destinasi terakhir tetapi hanya merupakan tempat persinggahan sebelum berlepas ke destinasi terakhirnya iaitu rumah keluarganya untuk menyambut Hari Raya Aidil Fitri.

[30] Adalah menjadi hujahan peguam perayu bahawa perjalanan pulang perayu ke rumah keluarganya perlu diambil pengiktirafan kehakiman bagi seorang Muslim seperti perayu untuk pulang bersama-sama keluarganya (rujuk: *Sathiaseelan Nagappan v. Ketua Pengarah, Pertubuhan Keselamatan Sosial* [2023] 5 CLJ 416).

[31] Peguam responden sebaliknya menghujahkan bahawa melalui keterangan semasa pendengaran di hadapan JRKS, perayu mengakui bahawa perayu bertolak ke Bachok dari rumah penginapan yang disediakan oleh majikannya. Peguam telah membawa perhatian mahkamah ini ke atas keputusan di dalam kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v. Jusoh Abu Bakar* [2003] 1 CLJ 383, di mana Hakim Nik Hashim HMT (pada ketika itu) telah menyatakan:

Having perused the record and considered the submission of learned counsel for the appellant, it is my judgment that the accident was not an employment injury under s. 2(6) of the Act. The respondent's house at Kampung Teluk Ketapang, Kuala Terengganu cannot in law be considered as his place of residence or stay in relation to his place of work for the purpose of s. 24(1)(a) of the Act, simply because it is not the respondent's home or base from where he goes out to work everyday. The Ketapang house is his weekend retreat. Therefore, the respondent's journey from Teluk Ketapang to his rented house at Paka on that fateful day cannot be considered as a travelling on a route between his place of residence or stay and his place of work. His place of residence or stay is the rented house at Paka. It is from this house that his employer provided him with a van to go to work and return. Had it not been for the accident, the respondent would have gone to his place of work by van. To hold that

A the Teluk Ketapang house is the respondent's place of residence or stay for the purpose of s. 24(1)(a) would be, to my mind, to overstretch the provision under the section beyond its reasonable limit.

[32] Manakala di dalam kes *Wong Yew Loy v. Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial* [2010] 5 CLJ 467, Hakim Lau Bee Lan H menyatakan:

B Learned counsel for the appellant submitted that s. 24(1)(a) and (b) of the Act ought to be read together. With due respect to the learned counsel, I cannot agree and am of the view that paras (a), (b) and (c) of subsection (1) of s. 24 of the Act ought to be read disjunctively by virtue of the provision which provides that an accident happening to an insured person shall be deemed to arise out of and in the course of employment if it happens when he travels on a route listed in subsection (1)(a) or in any of the journeys listed in subsection (1)(b) or (1)(c) and the usage of the word "or" after subsection (1)(b) (see *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v. Jusoh Abu Bakar* [2003] 1 CLJ 383 at p. 386).

D [33] Mahkamah ini sekali lagi ingin menegaskan bahawa di dalam penafsiran ke atas s. 24(1) Akta 4 hendaklah mengambil kira objektif dan mengelak satu tafsiran yang terhad serta rigid. Ini memandangkan bahawa Akta 4 adalah merupakan satu perundangan sosial yang bertujuan untuk memberi perlindungan ke atas para pekerja. Apatah lagi kepada pekerja-pekerja yang mengalami kemalangan dan tidak berupaya untuk meneruskan kehidupan mereka selepas itu.

[34] Perkara ini pernah disentuh di dalam kes *Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial v. Vadivelan Sandara Saigara* [2008] 9 CLJ 428:

F [14] As this court had at the outset of this decision said that the question before this court revolved around the interpretation of s. 24(1) of the Act, the object and purpose of the legislation have to be considered closely before any restrictive or rigid interpretation is given to the provision of s. 24 of the Act.

G [15] The Employees' Social Security Legislation in this jurisdiction is a social piece of legislation. Among others, it provides security to an employee against loss of earnings due to Industrial accident and occupational disease. In other words, this social piece of legislation is directly intended to secure the interest and welfare of employees of the industries, factories and other establishment. The concept of social security should be based 'on ideals of human dignity and social justice' and should be given a flexible approach and a liberal interpretation to s. 24 of the Act in order to be consonant with modern social security concept and should not be unduly restricted in its scope when interpretation is required. In fact, the insured himself is required to contribute together with his employer on a monthly basis to the Social Security Fund which is managed by SOCSO, and this contribution which is made both by the employer and the insured should also be considered as akin to 'savings' or 'investment' towards the fund with the view that SOCSO would

provide monetary assistance or benefit under the Act to insureds or their dependants in the event of any mishap 'arising out of and in the course of their employment', as in the instant appeal. Under the circumstances, is it fair to find excuses or to create uncertainties to reject the claim willy nilly for disablement benefit when at the time monetary assistance or benefit is desperately required by the insured-victim or in the case of his death, by his dependants for which this Organization was established *ie*, to provide security if the accident or death 'arises out of and in the course of an insured's employment'. In other words, if there is no 'employment injury' or death, there will not be any payment or benefit under the Act to insureds or their dependants.

A

B

C

[35] Dalam kes di hadapan mahkamah kini, adalah tidak dinafikan bahawa perayu adalah merupakan orang yang diinsuranskan di bawah s. 2(11) Akta 4 yang dengan jelas menyatakan "orang berinsurans" ertinya seorang pekerja yang mengenainya caruman adalah kena atau telah kena atau boleh kena dibayar di bawah Akta ini, walaupun perusahaan atau pekerja itu tidak didaftarkan sedemikian, asalkan perusahaan itu adalah suatu perusahaan yang baginya Akta ini terpakai. Ia telah menjadi prinsip yang diterima oleh mahkamah bahawa kecederaan yang disebabkan oleh kemalangan tidak semestinya berlaku di tempat kerja. Ia mungkin berlaku di luar tempat kerja selagi kemalangan yang berlaku itu adalah semasa dia bekerja dengan majikannya.

D

E

[36] Dalam kes ini, mahkamah berpandangan bahawa tarikh 12 Mei 2021 tersebut adalah malam sebelum Hari Raya Aidil Fitri. Keterangan yang tidak dipertikaikan adalah perayu bekerja lebih masa pada hari tersebut untuk mengedarkan bantuan dan sebagainya. Sebagai seorang Muslim, semestinyalah pulang ke rumah keluarga adalah merupakan satu kewajipan dan mahkamah boleh membuat satu pengiktirafan kehakiman bahawa perayu akan pulang ke kampungnya pada malam tersebut.

F

[37] Oleh itu, apabila perayu menyatakan bahawa perayu balik ke rumah penginapannya, ia pada pandangan mahkamah bukanlah merupakan tempat perjalanan yang akhir. Ia lebih kepada singgahan sebelum meneruskan perjalanan ke destinasi di kampungnya. Ini selari apabila perayu menyatakan di dalam keterangannya perayu telah "rehat di kediaman (tempat kediaman) dahulu sebelum memulakan perjalanan pulang ke kampung".

G

[38] Dalam kes *Sathiaseelan Nagappan (supra)*, perayu dalam perjalanan dari rumahnya di Ipoh, Perak ke Kulim, Kedah pada petang Ahad untuk berehat serta bermalam di tempat tinggalnya di Kulim. Telah menjadi amalan perayu pada setiap hujung minggu untuk pulang ke Ipoh untuk bersama keluarga pada hujung minggu. Namun, malang tidak berbau, pada hari kejadian, perayu telah mengalami kemalangan.

H

I

[39] Mahkamah Rayuan dalam penghakimannya, dalam menafsirkan s. 24(1) Akta 4, telah menyatakan:

- A [39] After all, there could be a myriad of reasons for making the journey back to Kulim from Ipoh on an off-day such as the need to properly rest on a Sunday in Kulim to be in a better frame of mind to work on a Monday morning. It could well be to have some work-life balance where time spent with one's family is precious for there is just that window of opportunities to bond with our children after which they "sprout wings and fly away" with a life of their own to lead.
- B [40] The degree of connection to his employment by his activity would vary but still ultimately related to his employment as he would not be making the journey on a Sunday evening if not for his employment on a Monday morning. Indeed, his employer and SOCSO are not concerned with how he would arrive for work on a Monday morning at 8am at the factory in Kulim save for the fact that he must be there to clock in or report to work.
- C [41] Be that as it may, the law cannot be so alienated from nor insulated and isolated from the harsh realities of life and the rough and tumble of it all. The realities of life would include for many the need to travel long distances for those who work outstation so that they may be with their families either on weekends or even a mid-week journey home. In the final analysis, the question that ought to have been asked is whether the journey in commuting is made by the employee because of his work and not for other economic or social pursuits.
- ...
- E [43] We are of the considered view that the appellant's journey from his place of residence in Ipoh, where he stayed with his family during the weekends starting Friday night to Sunday evening, back to Kulim in Kedah on Sunday evening, was clearly a journey made which is "directly connected" to his employment, following which the deeming provision of s. 24(1)(b) of the ESSA would apply.
- F [44] There is no requirement that the employer must have instructed him to make the journey. Indeed, an employer would not generally bother about where the employee stays or how long it takes for the employee to make the journey to work for so long as the employee arrives for work punctually.
- G [40] Mengadaptasikan pendekatan yang serupa, mahkamah berpandangan bahawa isu yang perlu diputuskan adakah perjalanan tersebut adalah dibuat bagi apa-apa sebab yang secara langsung berkaitan dengan penggajiannya. Dengan kata yang lain, sama ada perjalanan perayu tersebut dibuat disebabkan tuntutan pekerjaannya.
- H [41] Pada hari yang malang tersebut, tempat tinggal yang dituju oleh perayu adalah tidak dipertikaikan iaitu rumahnya di kampung. Perjalanan tersebut hanya dapat dilakukan oleh perayu pada waktu tersebut disebabkan oleh komitmen kerja yang diperlukan oleh majikannya. Perayu sepatutnya mempunyai pilihan untuk pulang ke kampung lebih awal dan lebih selamat. Namun, ia tidak dapat dilaksanakan kerana tuntutan kerjanya. Keperluan untuk pulang ke kampung adalah jelas untuk menyambut perayaan yang penting bagi seseorang Muslim.
- I

[42] Perayu pada pandangan mahkamah hanya berupaya melaksanakan perjalanan itu disebabkan komitmen kerjanya dan mahkamah pasti majikannya serta PERKESO tidak mengambil peduli bagaimana dan ke mana hala tuju perayu selagi mana kerja yang diamanahkan ke atas perayu dilaksanakan. Dalam kes ini, adalah jelas perayu memilih untuk pulang ke rumahnya di kampung bagi menyambut perayaan Aidil Fitri.

A

B

[43] Oleh itu, di atas pertimbangan ini, mahkamah ini memutuskan bahawa perjalanan perayu ke rumahnya di kampung adalah termasuk di bawah s. 24(1)(b) Akta 4 dan membolehkan perayu menuntut faedah bencana kerja.

Kesimpulan

C

[44] Sehubungan dengan itu, mahkamah membenarkan rayuan perayu dan mengetepikan keputusan JRKS. Mahkamah selanjutnya memerintahkan agar merit berkaitan ganti rugi yang sewajarnya diawardkan kepada perayu didengar di hadapan panel JRKS yang lain.

D

E

F

G

H

I